



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA DISEMBER 2024

Inflasi Malaysia menyederhana kepada 1.7 peratus pada Disember 2024

PUTRAJAYA, 22 Januari 2025 - Inflasi Malaysia menyederhana kepada 1.7 peratus pada Disember 2024 dengan mata indeks mencatatkan 133.4 berbanding 131.2 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), DISEMBER 2024**.

Peningkatan inflasi pada Disember 2024 telah didorong oleh peningkatan lebih perlahan bagi kumpulan utama Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.2%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (1.7%); Kesihatan (1.1%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (0.4%). Manakala, inflasi Restoran & Perkhidmatan Penginapan dan Makanan & Minuman masing-masing meningkat pada kadar lebih tinggi iaitu 2.9 peratus dan 2.7 peratus berbanding 2.8 peratus dan 2.6 peratus pada bulan November 2024.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa inflasi Maklumat & Komunikasi terus menurun kepada negatif 5.4 peratus pada Disember 2024 (November 2024: -3.9%). Ini disebabkan oleh penurunan inflasi subkumpulan utama Perkhidmatan maklumat & komunikasi pada negatif 6.4 peratus (November 2024: -4.4%). Pakaian & Kasut kekal berada dalam jajaran negatif iaitu negatif 0.5 peratus (November 2024: -0.3%). Sementara itu, Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.2%); Pendidikan (1.5%); Minuman Alkohol &

Tembakau (0.8%); Insurans & Perkhidmatan Kewangan (0.5%) dan Pengangkutan (0.4%) meningkat pada kadar yang sama seperti bulan sebelumnya.

Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP meningkat 2.7 peratus pada Disember 2024 (November 2024: 2.6%). Subkumpulan utama Makanan di rumah meningkat 0.9 peratus (November 2024: 0.6%) disumbangkan oleh inflasi kelas perbelanjaan Sayur-sayuran yang merekodkan peningkatan sebanyak 3.6 peratus (November 2024: 1.1%). Kenaikan harga bagi sayur-sayuran dipengaruhi oleh cuaca buruk dan kekerapan hujan yang melanda kawasan pengeluaran di kawasan pengeluaran utama seperti di Tanah Tinggi Cameron. Antara sayur-sayuran yang merekodkan peningkatan lebih tinggi secara asas tahunan pada Disember 2024 adalah Kacang panjang, 12.7 peratus (November 2024: 3.3%), Kubis, 11.7 peratus (November 2024: 8.5%) dan Bendi, 11.1 peratus (November 2024: 1.8%).

Kelas perbelanjaan Daging telah mencatatkan penurunan pada kadar negatif 0.3 peratus pada bulan Disember 2024 (November 2024: 1.6%). Penurunan kelas perbelanjaan ini disumbangkan oleh daging lembu tempatan yang mencatatkan negatif 3.2 peratus pada Disember 2024 (November 2024: -1.8%). Daging ayam segar yang merupakan komponen terbesar (32.6%) dalam kelas perbelanjaan Daging merekodkan peningkatan perlahan pada 0.9 peratus (November 2024: 4.8%). Berdasarkan pengumpulan data oleh pihak DOSM, purata harga Ayam standard Malaysia pada Disember 2024 adalah RM10.32 sekilogram berbanding RM10.18 sekilogram pada Disember 2023 (November 2024: RM10.41). Manakala, purata harga Ayam standard di peringkat Semenanjung Malaysia pada Disember 2024 adalah RM9.52 sekilogram berbanding RM9.44 sekilogram pada Disember 2023 (November 2024: RM9.69).

Di samping itu, subkumpulan utama Makanan di luar rumah meningkat 4.8 peratus, kadar yang sama seperti bulan sebelumnya. Antara item yang mencatatkan kenaikan pada Disember 2024 ialah Masakan sayur, 6.0 peratus (November 2024: 5.1%), Nasi campur, 4.0 peratus (November 2024: 3.8%) dan Sate, 3.9 peratus (November 2024: 3.5%).

Selain itu, inflasi Pengangkutan kekal 0.4 peratus pada Disember 2024 berbanding November 2024. Peningkatan tersebut disumbangkan oleh subkumpulan utama Pengurusan peralatan pengangkutan persendirian yang meningkat 1.0 peratus pada Disember 2024 (November 2024: 0.9%). Antara item yang merekodkan kenaikan ialah Perkhidmatan mencuci kereta, 5.7 peratus (November 2024: 4.6%); Perkhidmatan penyelenggaraan kereta, 5.6 peratus (November 2024: 5.1%) dan Pembaikan motosikal, 3.2 peratus (November 2024: 3.2%). Selain itu, subkumpulan Pembelian kenderaan mencatatkan penurunan sebanyak negatif 0.9 peratus (November 2024: -0.6%) kesan daripada penawaran penurunan harga iaitu diskaun dalam bentuk rebat kepada pembeli kereta baharu.

Inflasi bahan api Diesel kekal pada kadar negatif seperti bulan sebelumnya iaitu 15.0 peratus. Purata harga Diesel di Semenanjung Malaysia adalah RM2.95 seliter berbanding RM2.15 seliter pada Disember 2023 (November 2024: RM2.95). Manakala, purata harga Diesel bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan kekal pada RM2.15 seliter. Di samping itu, inflasi Petrol tanpa plumbum RON97 menurun sebanyak negatif 7.5 peratus (November 2024: -8.1%). Purata harga runcit Petrol tanpa plumbum RON97 pada Disember 2024 ialah RM3.21 seliter berbanding RM3.47 seliter pada Disember 2023 (November 2024: RM3.19).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, berhubung dengan inflasi di peringkat negeri, kebanyakan negeri merekodkan inflasi di bawah paras inflasi nasional 1.7 peratus. Walau bagaimanapun, inflasi bagi lima negeri meningkat melebihi paras inflasi nasional iaitu Pulau Pinang (2.6%), Pahang (2.3%), Selangor (2.0%), Johor (1.8%) dan Sarawak (1.8%). Kesemua negeri mencatatkan peningkatan dalam inflasi Makanan & Minuman. Kadar tertinggi dicatatkan oleh Selangor pada 4.1 peratus, diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (3.1%), Johor (3.0%), Terengganu (2.9%) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.9%). Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi Makanan & Minuman nasional iaitu 2.7 peratus pada Disember 2024.

Inflasi tahunan 2024 mencatat kadar 1.8 peratus yang merupakan penurunan inflasi dua tahun berturut-turut semenjak tahun 2022 (3.3%) seperti yang ditunjukkan di Carta 5. Ini disumbangkan oleh peningkatan perlahan Restoran & Perkhidmatan Penginapan, 3.1 peratus (2023: 5.6%). Ini diikuti oleh Makanan & Minuman, 2.0 peratus (2023: 4.8%); Kesihatan, 1.8 peratus (2023: 2.2%); Pendidikan, 1.5 peratus (2023: 1.9%); Pengangkutan, 1.0 peratus (2023: 1.1%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah, 0.7 peratus (2023: 2.2%). Inflasi keseluruhan secara bulanan pada Disember 2024 meningkat 0.1 peratus berbanding November 2024. Peningkatan ini didorong oleh inflasi kumpulan utama Makanan & Minuman (0.4%), Pengangkutan (0.3%) dan Restoran & Perkhidmatan Penginapan (0.3%). Kumpulan utama Maklumat & Komunikasi menunjukkan penurunan negatif 1.7 peratus, diikuti oleh Pakaian & Kasut (-0.2%).

Inflasi bagi suku tahun keempat 2024 meningkat 1.8 peratus (ST3 2024: 1.9%) Bagi perbandingan suku tahunan, inflasi Malaysia mencatatkan peningkatan 0.2 peratus (ST3 2024: 0.4%). Sementara itu, inflasi teras meningkat perlahan 1.6 peratus pada Disember 2024 berbanding November 2024 (1.8%). Peningkatan ini didorong oleh kumpulan utama Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.2%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (1.7%) dan Kesihatan (1.3%).

Bagi perbandingan inflasi dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (1.7%) lebih rendah berbanding inflasi di Vietnam (2.9%), Filipina (2.9%) dan Republik Korea (1.9%). Manakala, kadar tersebut lebih tinggi berbanding Indonesia (1.6%), Thailand (1.2%) dan China (0.1%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Rabu, 22 Januari 2025**

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
22 JANUARI 2025**

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Rabu, 22 Januari 2025

Carta 1


Inflasi Bulanan Malaysia, Januari 2011 - Disember 2024



Nota: *Purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga Disember 2024


Carta 2

Inflasi Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi Tanpa Bahan Api, Disember 2023 - Disember 2024




Carta 3

Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Disember 2023 - Disember 2024




Carta 4

Inflasi Suku Tahunan Malaysia, ST1 2011 - ST4 2024




Carta 5

Inflasi Tahunan Malaysia, 2011 - 2024




Carta 6

Inflasi mengikut Kuadran, November 2024 & Disember 2024




Carta 7

Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan yang Meningkat ≤10%, November 2024 & Disember 2024



Carta 8


Purata Harga Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel, Disember 2023 - Disember 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 22 Januari 2025


Carta 9

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, November 2024 & Disember 2024



Carta 10


Inflasi bagi Makanan & Minuman, Disember 2023 - Disember 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 22 Januari 2025

Carta 11

Inflasi mengikut Negeri, November 2024 & Disember 2024




Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persekutuan

November 2024 | Disember 2024

Carta 12


Inflasi bagi Negara Terpilih, Disember 2023 - Disember 2024




Carta 13

Harga Komoditi Terpilih Global


Minyak Mentah (US\$/bbl)




Gas Asli (Indeks 2010=100)




Minyak Sawit Mentah (US\$/mt)




Jagung (US\$/mt)




Daging (US\$/kg)




Daging Ayam (US\$/kg)




Kacang Soya (US\$/mt)




Gandum (US\$/mt)



Gula (US\$/kg)



Minyak Kelapa (US\$/mt)



Harga komoditi dunia (AS\$) — Peratus perubahan tahun ke tahun

Sumber: Commodity Monthly Prices, World Bank

Nota:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA DECEMBER 2024

Malaysia's inflation moderated to 1.7 per cent in December 2024

PUTRAJAYA, 22 January 2025 - Malaysia's inflation moderated to 1.7 per cent in December 2024 with the index points stood at 133.4 as against 131.2 in the same month of the previous year. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on the release of **CONSUMER PRICE INDEX (CPI), DECEMBER 2024**.

The increase of inflation in December 2024 was driven by a slower increase in the main groups of Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (3.2%); Recreation, Sport & Culture (1.7%); Health (1.1%) and Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (0.4%). Meanwhile, inflation for Restaurant & Accommodation Services and Food & Beverages increased at a higher rate of 2.9 per cent and 2.7 per cent as compared to 2.8 per cent and 2.6 per cent respectively in November 2024.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin informed that inflation for Information & Communication continued to decrease to negative 5.4 per cent in December 2024 (November 2024: -3.9%). This was due to the decline in inflation for main subgroup of Information & communication services at negative 6.4 per cent (November 2024: -4.4%). Clothing & Footwear remained at a negative territory and posted negative 0.5 per cent (November 2024: -0.3%). Meanwhile, Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (3.2%); Education (1.5%); Alcoholic Beverages & Tobacco (0.8%); Insurance & Financial Services (0.5%) and Transport (0.4%) increased at the same rate as the previous month.

The Food & Beverages group which contributes 29.8 per cent of the total CPI weight increased by 2.7 per cent in December 2024 (November 2024: 2.6%). The main subgroup of Food at home increased by 0.9 per cent (November 2024: 0.6%) due to the inflation in the expenditure class of Vegetables which recorded an increase of 3.6 per cent (November 2024: 1.1%). The rise in vegetable prices is influenced by adverse weather conditions and frequent rainfall, affecting production areas in key production regions such as Cameron Highlands. Among the vegetables that recorded a higher increase on a year-on-year basis in December 2024 were Long beans, 12.7 per cent (November 2024: 3.3%), Cabbage, 11.7 per cent (November 2024: 8.5%) and Lady's finger, 11.1 per cent (November 2024: 1.8%).

The expenditure class of Meat recorded a decline at a negative rate of 0.3 per cent in December 2024 (November 2024: 1.6%). The decline in the expenditure class was contributed by Local beef which registered negative 3.2 per cent in December 2024 (November 2024: -1.8%). Chicken as the largest component (32.6%) in the expenditure class of Meat recorded a slower increase at 0.9 per cent (November 2024: 4.8%). Based on data collected by DOSM, the average price of Standard chicken in Malaysia for December 2024 was RM10.32 per kilogramme as compared to RM10.18 per kilogramme in December 2023 (November 2024: RM10.41). Meanwhile, the average price of Standard chicken in Peninsular Malaysia for December 2024 was RM9.52 per kilogramme as compared to RM9.44 per kilogramme in December 2023 (November 2024: RM9.69).

Apart from that, the main subgroup of Food away from home increased 4.8 per cent, the same rate as the previous month. Among the items that recorded increases in December 2024 were Cooked vegetables, 6.0 per cent (November 2024: 5.1%), Rice with side dishes, 4.0 per cent (November 2024: 3.8%) and Satay, 3.9 per cent (November 2024: 3.5%).

Furthermore, inflation for Transport remained at 0.4 per cent in December 2024 as compared to November 2024. The increase was contributed by main subgroup of Operation of personal transport equipment which increased 1.0 per cent in December 2024 (November 2024: 0.9%). Among the items that recorded an increase were Car wash services, 5.7 per cent (November 2024: 4.6%); Car servicing,

5.6 per cent (November 2024: 5.1%) and Repair of motorcycle, 3.2 per cent (November 2024: 3.2%). In addition, the subgroup of Purchase of vehicles recorded a decline at negative 0.9 per cent (November 2024: -0.6%) due to price reductions offered as rebates to new car buyers.

Inflation for Diesel remained at the same rate as prior month at 15.0 per cent. The average price for Diesel in Peninsular Malaysia was RM2.95 per litre as compared to RM2.15 per litre in December 2023 (November 2024: RM2.95). However, the average price of Diesel for Sabah, Sarawak and Wilayah Persekutuan Labuan remained at RM2.15 per litre. In addition, inflation for Unleaded petrol RON97 decreased at negative 7.5 per cent (November 2024: -8.1%). The average price of Unleaded petrol RON97 in December 2024 was RM3.21 per litre as against RM3.47 per litre in December 2023 (November 2024: RM3.19).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added that, with regards to inflation at the state level, most of the states recorded inflation below the national inflation level of 1.7 per cent. However, inflation for five states were above the national inflation level namely Pulau Pinang (2.6%), Pahang (2.3%), Selangor (2.0%), Johor (1.8%) and Sarawak (1.8%). All states registered an increase in the inflation of Food & Beverages. The highest rate was recorded by Selangor at 4.1 per cent, followed by Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (3.1%), Johor (3.0%), Terengganu (2.9%) and Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.9%). Meanwhile, other states showed an increase below the national inflation of Food & Beverages of 2.7 per cent in December 2024.

The annual inflation rate for 2024 recorded 1.8 per cent, marking a two-year consecutive decline in inflation since 2022 (3.3%) as shown in Chart 5. This was contributed by a slower incline of Restaurant & Accommodation Services, 3.1 per cent (2023: 5.6%). This was followed by Food & Beverages, 2.0 per cent (2023: 4.8%); Health, 1.8 per cent (2023: 2.2%); Education, 1.5 per cent (2023: 1.9%); Transport, 1.0 per cent (2023: 1.1%) and Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance, 0.7 per cent (2023: 2.2%). The overall monthly inflation for December 2024 increased 0.1 per cent as against November 2024. The increase was driven by the inflation in the main group of Food & Beverages (0.4%), Transport (0.3%) and Restaurant & Accommodation Services (0.3%). The main group

of Information & Communication showed a decline of negative 1.7 per cent, followed by Clothing & Footwear (-0.2%).

Inflation for the fourth quarter of 2024 increased 1.8 per cent (Q3 2024: 1.9%). As for quarter-on-quarter comparison, Malaysia's inflation showed an increase of 0.2 per cent (Q3 2024: 0.4%). Meanwhile, core inflation increased slower at 1.6 per cent in December 2024 as compared to November 2024 (1.8%). The increase was due to Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (3.2%); Recreation, Sport & Culture (1.7%) and Health (1.3%).

In comparison to inflation in other selected countries, inflation in Malaysia (1.7%) was lower than inflation in Vietnam (2.9%), Philippines (2.9%) and Republic of Korea (1.9%). However, the rate was higher than Indonesia (1.6%), Thailand (1.2%) and China (0.1%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
22 JANUARY 2025**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, 22 January 2025

Chart 1 Monthly Inflation Malaysia, January 2011 - December 2024



Note: * Average inflation for the period of January 2011 to December 2024

Chart 2 Malaysia Inflation, Core Inflation and Inflation without Fuel, December 2023 - December 2024




Chart 3 Inflation for Income Group Below RM3,000, December 2023 - December 2024




Chart 4

Quarterly Inflation Malaysia, Q1 2011 - Q4 2024




Chart 5

Annual Inflation Malaysia, 2011 - 2024




Chart 6

Inflation by Quadrant, November 2024 & December 2024




Chart 7

Distribution of Inflation for Food and Non-Food that Increased $\leq 10\%$, November 2024 & December 2024




Chart 8

Average Price of Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel, December 2023 - December 2024




Chart 9

Inflation by Main Group, November 2024 & December 2024




Chart 10

Inflation for Food & Beverages, December 2023 - December 2024





Chart 11

Inflation by State, November 2024 & December 2024



Note: W.P. refers to Wilayah Persekutuan

November 2024 | December 2024

Chart 12

Inflation of Selected Countries, December 2023 - December 2024





Chart 13 Global Selected Commodity Prices



Global commodity price (US\$) — Percentage change year-on-year

Source: Commodity Monthly Prices, World Bank

Notes:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit